

12 MAY 2003

Syed-Jerman/I

HUBUNGAN DUA HALA LEBIH ERAT DENGAN JERMAN

PUTRAJAYA, 12 Mei (Bernama) -- Lawatan tiga hari oleh Canselor Jerman Gerhard Schroeder ke Malaysia akan membantu memperkukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara dalam semua bidang, terutamanya pendidikan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata lawatan itu, yang pertama seumpamanya oleh Canselor Jerman ke Malaysia, akan membantu pemindahan dalam perkara-perkara berkaitan pengetahuan saintifik dan teknologi.

Menteri Luar itu berkata demikian selepas mesyuarat delegasi antara rombongan 17 anggota yang diketuai Schroeder dan kerajaan Malaysia yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Schroeder, yang tiba di sini semalam, sedang dalam rangka lawatan enam hari ke negara-negara Asia Tenggara, dengan Malaysia sebagai persinggahan pertamanya sebelum ke Singapura, Indonesia dan Vietnam.

Sebelum mesyuarat delegasi itu, kedua-dua pemimpin berkenaan mengadakan perbincangan empat mata mengenai langkah menggalakkan hubungan dua hala dan ekonomi antara kedua-dua negara. Jerman merupakan rakan dagang terbesar Malaysia dalam Kesatuan Eropah.

"Kita tidak mempunyai masalah dua hala dengan Jerman. Kita gembira dengan pelaburan mereka di sini. Terdapat kira-kira 300 syarikat Jerman yang beroperasi di sini," kata Syed Hamid.

Dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir, Schroeder menyuarakan kegembiraannya bukan sahaja terhadap dasar-dasar pembangunan Malaysia tetapi juga berkaitan pendirian tegas negara dalam isu-isu antarabangsa, kata beliau lagi.

"Dr Mahathir mencadangkan satu dialog antara peradaban dengan pihak Jerman. Terdapat kira-kira 4.5 juta masyarakat Islam di Jerman. Perdana Menteri juga menjemput cendekiawan dari Jerman untuk berdialog dengan pegawai-pegawai IKIM (Institut Kemajuan Islam Malaysia," katanya.

Beliau berkata mesyuarat delegasi itu berlangsung dalam suasana mesra, "amat produktif dan konstruktif bukan hanya berkaitan perkara-perkara ekonomi tetapi juga isu-isu politik."

"Kedua-dua pemimpin juga sependapat bahawa untuk keamanan yang berkekalan di Asia Barat, isu Palestin perlu diselesaikan terlebih dahulu. Mereka juga bersetuju bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu memainkan peranan utama dalam menyelesaikan konflik berkenaan," kata Syed Hamid lagi.

Beliau berkata isu-isu antarabangsa yang dibincangkan memberikan lebih tumpuan kepada masalah Palestin terutamanya cadangan baru Amerika Syarikat untuk menyelesaikan masalah di wilayah yang sering bergolak itu.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir mahu lebih banyak pelancong Jerman datang ke Malaysia bagi menyaksikan keindahan negara ini dan bagaimana rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai agama serta bangsa hidup dalam harmoni.

Perdana Menteri juga mahu Lufthansa, syarikat penerbangan nasional Jerman, untuk mengadakan penerbangan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

"Schroeder mahu lebih banyak promosi dijalankan di Jerman untuk memaklumkan kepada rakyat negara berkenaan mengenai Malaysia dan daya tarikannya. Beliau juga menyebut bahawa usaha-usaha perlu dilakukan bagi memastikan rakyat Jerman tahu bahawa Malaysia merupakan negara yang selamat

dilawati. Tumpuan yang lebih perlu diberikan dalam hal ini," kata beliau lagi.

-- BERNAMA
SR AHH ROS